



**TEKS UCAPAN**  
**YANG ARIF DATUK YAACOB BIN HAJI MD. SAM**  
**PENGERUSI EAIC**  
**BERSEMPENA**  
**HARI TERBUKA INTEGRITI EAIC 2017 DAN PELANCARAN**  
**PELAN STRATEGIK EAIC 2017-2022**  
**28 SEPTEMBER 2017**  
**BERTEMPAT DI DEWAN SERBAGUNA, ARAS G,**  
**BANGUNAN MENARA USAHAWAN, PUTRAJAYA**

---

Bismillahirrahmannirrahim

Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera,  
Selamat Pagi dan Salam Integriti Dijulang Negara Bermaruah.

Yang Berhormat Senator, Datuk Paul Low Seng Kuan, Menteri di Jabatan  
Perdana Menteri, Barisan Pesuruhjaya EAIC, Setiausaha / Ketua Pegawai  
Eksekutif EAIC, Tan Sri, Puan Sri, Datuk Seri, Dato, Tuan-Tuan dan Puan-  
Puan,

Yang dialu-alukan peserta Wacana Pengukuhan Integriti,

Yang berusaha ahli-ahli Jawatankuasa Penganjur dan,

Wakil-wakil media cetak dan elektronik serta para hadirin sekalian.

Saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT, atas limpah kurnia dan izin-Nya juga, kita dapat hadir dan bertemu pada hari ini dalam program Hari Terbuka Integriti EAIC 2017 dan Pelancaran Pelan Strategik EAIC 2017-2022.

1. Saya dengan berbesar hati mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua hadirin yang sudi hadir dan memberikan komitmen dalam menjayakan program pada hari ini.

**Para hadirin sekalian,**

**SAMBUTAN HARI INTEGRITI**

2. Pembudayaan serta pengamalan integriti adalah penting untuk menjadi teras dalam kehidupan seharian. Oleh yang demikian, dalam menyemarakkan lagi semangat integriti dan membudayakan integriti sebagai cara hidup dan amalan masyarakat Malaysia, kerajaan dibawah pimpinan mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdullah

Ahmad Bahawi telah memilih 5 November pada setiap tahun sebagai Hari Integriti Peringkat Kebangsaan. Tarikh tersebut telah dipilih bersempena dengan penubuhan Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) dan Penggubalan Pelan Integriti Nasional (PIN) yang diumumkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdullah Ahmad Badawi sebagai landasan ke arah pemantapan etika dan integriti masyarakat Malaysia secara holistik.

3. Justeru itu, EAIC sebagai sebuah badan yang berteraskan integriti tidak ketinggalan untuk buat julung kalinya mengadakan program Hari Terbuka Integriti EAIC 2017 dan telah memilih hari ini iaitu 28 September 2017 (Khamis) sebagai Hari Terbuka Integriti EAIC 2017.

**Sidang Hadirin yang dihormati,**

4. Dengan memilih tema “*Integriti Melalui Kepimpinan*”, program Hari Terbuka Integriti EAIC 2017 diadakan dengan objektif untuk : -
  - i. memberi kesedaran dan kefahaman berkenaan pembudayaan integriti kepada orang ramai;

- ii. membudayakan integriti dalam kalangan pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan;
  - iii. Mengiktiraf peranan orang ramai dalam memastikan pematuhan integriti dalam kalangan agensi penguatkuasaan; dan
  - iv. Platform kerjasama pintar antara EAIC bersama-sama orang ramai, agensi kerajaan dan media.
5. Bagi menjayakan Hari Terbuka Integriti EAIC 2017 ini, pihak EAIC melalui Jawatankuasa Kerja Hari Terbuka Integriti EAIC 2017 telah merancang pelbagai acara. Antara acara yang diadakan adalah penyampaian sebuah Wacana Pengukuhan Integriti yang bertajuk "*Kepimpinan Melalui Teladan*". Wacana ini akan disampaikan sebentar lagi oleh individu serta tokoh yang tidak asing lagi di EAIC dan masyarakat Malaysia, iaitu Datuk Dr. Anis Yusal Bin Yusof, Presiden Merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) yang juga merupakan salah seorang barisan Pesuruhjaya EAIC. Semoga pengisian di dalam wacana tersebut akan dapat membawa banyak faedah dan manfaat kepada kita dalam memantapkan nilai-nilai murni sejagat dalam hubungan di antara kita sesama manusia, di antara kita dengan masyarakat, di

antara kita dengan alam sekitar, di antara kita dengan negara, khususnya yang berkaitan dengan pembudayaan integriti.

6. Selain daripada wacana pengukuhan integriti, terdapat kira-kira 15 *booth* perkhidmatan dan pameran daripada agensi-agensi telah tersedia untuk dilawati di sekitar Aras Bawah Bangunan Menara Usahawan. Antara agensi yang terlibat adalah pihak Polis Diraja Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara, Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Jobs Malaysia, Lembaga Tabung Haji, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional dan banyak lagi. Semoga pada hadirin sekalian dapat memanfaatkan peluang yang ada ini untuk menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan oleh agensi-agensi terlibat.
7. Menyentuh tentang *booth* perkhidmatan yang disediakan, pada hari ini juga, pihak Pusat Darah Negara turut hadir dan mengadakan Kempen Derma Darah yang akan diadakan di Bilik Tamu di Aras Bawah Menara Usahawan. Adalah dijemput para hadirin sekalian untuk sama-sama menjayakan kempen tersebut.

8. Selain itu, selepas daripada majlis ini juga, akan diadakan *soft tour* kepada para hadirin dari kalangan para pelajar dan mahasiswa serta anak muda untuk mengetahui dengan lebih lanjut berkenaan EAIC. Adalah dialu-alukan juga kepada hadirin untuk singgah ke *booth* EAIC dan di situ juga akan disediakan kaunter swafoto kepada semua untuk bergambar kenangan tanda kehadiran ke Hari Terbuka Integriti EAIC 2017. Para hadirin juga turut dijemput untuk memeriahkan acara Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak yang akan diadakan pada sebelah petang.

#### Pelancaran Pelan Strategik EAIC 2017 – 2022

9. Disamping menceritakan berkenaan aktiviti dan program yang telah disusun untuk menjayakan Hari Terbuka Integriti EAIC 2017, pihak EAIC juga mengambil kesempatan pada hari ini untuk melancarkan Pelan Strategik EAIC 2017 – 2022.
10. Pelan Strategik EAIC 2017 – 2022 merupakan perancangan EAIC dalam menyambut dan memberi kesan ke atas hasrat Kerajaan

semasa pembentangan Rancangan Malaysia Kesebelas yang menetapkan EAIC sebagai badan (selain daripada SPRM) yang diberi tanggungjawab bagi mengukuhkan integriti di kalangan pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan. Pelan Strategik ini menetapkan 4 Teras Strategik dan Formulasi Tindakan yang perlu dilaksanakan oleh EAIC bagi tempoh lima tahun mendatang. *Teras Pertama : Pemantapan Penyampaian Perkhidmatan Dalam Pengurusan Aduan dan Siasatan. Teras Kedua : Pemantapan Perundangan, Dasar dan Prosedur. Teras Ketiga : Pendidikan, Pencegahan dan Pembudayaan Nilai Integriti. Teras Keempat : Pemantapan Keupayaan dan Kapasiti Organisasi.* Pelan Strategik ini juga menjelaskan Mekanisma Pelaksanaan dan Elemen Penentu Kejayaan dalam menentukan progress dan pencapaian yang dihasratkan terhadapnya. Pelan Strategik ini juga akan membentuk garis panduan dalam gerak kerja EAIC dalam semua perancangan, program dan aktiviti yang akan dilaksanakan oleh warga kerja EAIC dan dalam usaha menyediakan EAIC untuk mampu menangani cabaran bagi tahun-tahun mendatang selari dengan perkembangan kemajuan negara dan perubahan global.

11. Saya dengan berbesar hati mengucapkan berbanyak terima kasih dan penghargaan EAIC kepada YB Menteri, Senator Datuk Paul Low Seng Kuan kerana telah sudi meluangkan masa untuk hadir ke Hari Terbuka Integriti EAIC 2017 dan seterusnya melancarkan Pelan Strategik EAIC 2017 – 2022.

Hadirin-hadirin yang dihormati sekalian,

12. Akhir kata, elemen-elemen amalan terbaik dan nilai-nilai murni yang dikenal pasti dalam **Pelan Integriti Nasional (PIN)** seperti **JUJUR, IKHLAS, BIJAKSANA, ADIL, TELUS DAN SYUKUR** adalah perlu dihayati dan diamalkan oleh semua golongan masyarakat.
13. Besarlah harapan saya agar Hari Terbuka Integriti EAIC dapat diteruskan pada masa hadapan sebagai usaha berterusan dalam pemerksaan jiwa dan pembinaan minda positif ke arah budaya kerja penuh integriti khususnya di dalam aktiviti penguatkuasaan undang-undang dan sistem perkhidmatan dan penyampaian kerajaan. Adalah

sangat perlu untuk setiap warga kerja, pegawai awam dan pemimpin untuk mempunyai roh integriti yang tinggi dalam diri masing-masing.

14. Akhir kata, sekali lagi saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa Penganjur Hari Terbuka Integriti EAIC 2017 dan saya yakin program ini mampu menyemarakkan semangat budaya kerja berintegriti dalam kalangan warga kerja EAIC khususnya, serta agensi-agensi penguatkuasaan, belia, pelajar IPTA/IPTS dan masyarakat Malaysia umumnya.

Sekian, terima kasih.